

# K-Ayurveda : AyuVita

Wanita pada abad ke-21 kini menjalani kehidupan yang menarik tetapi membebankan. Ini adalah kerana mereka terpaksa melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang wanita berkerjaya dan pada masa yang sama menguruskan kehidupan rumahtangga. Akibatnya, ianya telah menyaksikan penurunan kadar kelahiran yang mendadak dan pada masa yang sama peningkatan dalam pelbagai jenis penyakit dikalangan wanita.

Dan seperti yang kita sedia maklum, badan wanita amat kompleks dan sensitif. Disebabkan tekanan yang tidak wajar dan watak yang dimainkan oleh wanita bukan sahaja sebagai seorang ibu, anak, isteri, surirumah dan pekerja boleh membebankan secara fizikal dan mental terutamanya kepada wanita yang berkerjaya. Sebagai seorang wanita, anda mungkin akan mengalami beberapa risiko kesihatan yang sama dengan kaum lelaki seperti tekanan darah tinggi, penyakit kencing manis, sakit koronari jantung dan lain-lain. Akan tetapi, disebabkan peranan reproduktif mereka, wanita berisiko untuk mengalami beberapa penyakit khusus yang dialami wanita seperti gangguan haid, haid yang tidak menentu, infeksi saluran kencing, leukorea, pembengkakkan faraj, gonorea, kemundulan dan kelesuan.

Berikut adalah beberapa jenis penyakit khusus yang dialami oleh golongan wanita:

**Dismenorea:** Pengaliran haid yang diikuti dengan rasa yang amat sakit dibahagian abdomen dan adalah biasa pada sesetengah wanita dan ia sentiasa dirujuk sebagai kekurangan darah terutamanya kalsium darah.

**Pendarahan haid yang banyak:** Terjadi ketika haid dan merupakan satu masalah yang biasa apabila ianya berlaku pada pertengahan kitaran haid dan secara umumnya berlaku pada wanita diantara umur 35-50 tahun. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh ketidakseimbangan hormon, pertumbuhan dan lain-lain, ianya bukan sahaja tidak menyenangkan tetapi pendarahan yang keterlaluan boleh mengakibatkan anemia. Haid dianggap sebagai banyak sekiranya ia menyebabkan pembanjiran yang memerlukan anda memakai tuala wanita yang lebih, pembasahan tilam, pengeluaran gumpalan darah dan sebagainya.

**Pendarahan yang tidak menentu:** Ianya bermakna sekiranya anda mengalami pendarahan daripada faraj selain daripada masa kitaran haid anda.

**Haid yang berhenti (aminorea):** Selain daripada kehamilan, lain-lain faktor juga boleh mengakibatkan haid daripada berhenti termasuk tekanan, pengurangan berat badan, senaman berlebihan (bagi pelari jarak jauh dll.) dan masalah hormon.

**Haid yang tidak menentu:** Jangkamasa rehat diantara haid adalah berbeza dikalangan wanita. Haid yang tidak menentu merujuk kepada keadaan dimana anda tidak mengalami ovulasi setiap bulan dan hormon wanita yang tidak menentu.

Namun yang demikian, revolusi dalam penjagaan kesihatan hari ini dapat membantu masalah yang dialami wanita. Oleh itu, K-LINK International disini dengan bangganya memperkenalkan kelebihan herba Ayurveda yang diadun bersama teknik kontemporari yang dikenali sebagai K-Ayurveda AyuVita.

AyuVita merupakan rawatan herba yang berkesan dalam membantu mengatasi masalah berkaitan dengan sistem reproduktif wanita dan membantu mereka kekal sihat dan cantik berdasarkan prinsip Ayurveda yang menjaga kesihatan selaras dengan keadaan alam semulajadi. Dengan menggunakan kombinasi ramuan herba yang dapat menguatkan dan menyejukkan badan, ia adalah satu tonik yang membantu aktiviti metabolisme badan. Ia juga dapat memberikan kelegaan bagi sakit genito-urinari, menghalang jangkitan penyakit dan meningkatkan kecantikan dan tenaga dalaman.

AyuVita merupakan penyelesaian yang sempurna bagi wanita untuk melambatkan proses penuaan. Dengan menggunakan herba seperti ekstrak *semen mucuna prurita*, *cortex saraca indica*, *radix withania somnifera*, *radix asparagus racemosus*, *radix leptadenia raticulata* dan banyak lagi daripada kawasan pergunungan India, ia bukan sahaja dapat membantu mengatasi beberapa masalah biasa seperti simptom lepas-menopaus dan gangguan menstruasi seperti dismenorea, leukorea, pendarahan dan aminorea, ia juga mampu melawan beberapa gangguan ginekologi dan simptom lepas-menopaus. Selain itu, ia dapat bertindak sebagai perangsang seks, melembapkan tisu organ seks yang kering dan menguatkan otot serta tenaga badan secara am.

Berikut adalah beberapa kebaikan umum AyuVita:

- Menggalakkan kekuatan dan kecergasan
- Membantu melambatkan proses penuaan
- Membantu menguatkan kesihatan am badan
- Membantu melegakan kelesuan dan melegakan masalah berkaitan stres
- Meningkatkan daya ketahanan daripada tekanan
- Membantu melegakan sakit genito-urinari, pendarahan dan leukorea
- Membantu menghalang pembengkakkan faraj

